

BUTIR PEMEGANG SERAH HAK

No Telefon (Pejabat) _____ (Nyatakan Nama Negara) _____ - _____

Alamat _____

Poskod _____ Bandar _____

Negara _____

Hubungan dengan Penyerah Hak _____

Jenis Perniagaan/Urusan Syarikat: _____

Tujuan Serah Hak Sebagai Cagaran: _____

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA)

Maklumat yang anda nyatakan di dalam borang ini mungkin direkodkan, digunakan, disimpan ataupun diproses oleh Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful"), ejen yang dibenarkan Pengendali Takaful, pihak Pengendali Takaful yang berkaitan dan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan untuk memproses dan melaksanakan kuasa, dan akan berhubung dengan anda dan Pemegang Sijil dari semasa ke semasa untuk perkara berkaitan. Anda boleh melakukan capaian ke atas maklumat peribadi anda pada bila-bila masa dengan menghubungi Customer Service Careline di 1300 13 8338 atau melayari i-Getintouch Portal di <https://www.igetintouch.com.my>. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan (seperti mengehadkan pemrosesan sesetengah maklumat, termasuk menarik balik kebenaran untuk menerima maklumat pemasaran), anda boleh menghubungi talian Customer Service Careline di 1300 13 8338 atau Pegawai Sulit kami di +603 4259 8381 atau menulis kepada Pengendali Takaful. Maklumat yang anda berikan kepada Pengendali Takaful adalah perlu. Jika anda tidak memberikan maklumat yang dikehendaki tersebut, Pengendali Takaful mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan kepada anda. Untuk maklumat lanjut berkenaan bagaimana Pengendali Takaful memproses data peribadi anda dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi di www.greateastertakaful.com.

NOTIS AKTA PEMATUHAN CUKAI AKAUN LUAR NEGARA AMERIKA SYARIKAT (FATCA)

Saya/Kami bersetuju bahawa saya/kami akan memaklumkan Pengendali Takaful dengan segera jika terdapat sebarang perubahan atau pertambahan maklumat yang diberi di dalam ini berkenaan saya/kami, orang yang dilindungi, benefisiari yang dinamakan dalam cadangan ini atau sijil dan sebarang individu lain yang relevan (jika ada dan secara kolektif dengan orang yang dilindungi dan benefisiari "Individu yang Relevan") seperti yang mungkin diperlukan Pengendali Takaful. Selanjutnya, saya/kami bersetuju dan mewakilkan Pengendali Takaful bahawa setiap Individu yang Relevan telah bersetuju ke atas maklumat berkenaan dirinya yang diberi kepada Pengendali Takaful, bahawa Pengendali Takaful mungkin mendedahkan maklumat tersebut bagi tujuan pematuhan dengan sebarang peraturan, undang-undang dan pengawalan, kod amalan atau garis panduan atau membantu dalam penguatkuasaan undang-undang serta penyiasatan yang berkenaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Saya/Kami faham bahawa Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh saya/kami atau mana-mana Individu yang Relevan disebabkan tindakan Pengendali Takaful yang dibenarkan di dalam ini. Sehubungan itu, saya/kami bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Pengendali Takaful terhadap semua tuntutan bagi Individu yang Relevan untuk kos atau kerugian yang dinyatakan di atas. Saya/Kami juga faham bahawa kegagalan saya/kami untuk memenuhi sebarang kewajipan di dalam ini atau sebarang representasi yang tidak benar atau tidak tepat di dalam ini akan melayakkan Pengendali Takaful untuk menolak atau menahan amaun tersebut daripada membuat sebarang bayaran yang boleh dibayar di bawah sijil yang relevan dan/atau menamatkan sijil tanpa sebarang tanggungjawab, mengikut tahap yang dibenarkan undang-undang dan saya/kami akan membayar ganti rugi kepada Pengendali Takaful ke atas semua kos dan kerugian yang mungkin ditanggung akibat daripadanya.

Saya/Kami bersetuju untuk melengkapkan dan menandatangani dokumen tersebut serta melakukannya atas tujuan yang diperlukan Pengendali Takaful bagi menilai cadangan saya/kami dan menyediakan produk atau perkhidmatan yang saya/kami pohon.

Adakah anda seorang yang layak dikenakan cukai mengikut kewajipan AS?

Penyerah Hak

Ya Tidak

Pemegang Serah Hak

Ya Tidak

Nota: Jika Ya, sila berikan dokumen-dokumen IRS AS yang berkaitan dengan lengkap.

PENYATAAN PENGISYTIHARAN RESIDENSI CUKAI OLEH PEMEGANG SERAH HAK

Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful") dikehendaki mengumpul maklumat berkaitan status pemastautin bercukai bagi setiap Pemilik Sijil Takaful bagi mematuhi Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 (secara kolektif dirujuk sebagai "Undang-undang Malaysia kepada Pematuhan Cukai Antarabangsa"). Undang-undang Malaysia kepada Pematuhan Cukai Antarabangsa melaksanakan piawaian untuk pertukaran automatik maklumat akaun kewangan berkaitan cukai, lazimnya dikenali sebagai Piawaian Laporan Bersama ("CRS"), yang dibangunkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan ("OECD").

Menurut Undang-undang Malaysia kepada Pematuhan Cukai Antarabangsa, Pengendali Takaful mungkin dikehendaki dari segi undang-undang untuk berkongsi maklumat yang diberikan oleh Pemilik Sijil Takaful serta lain-lain maklumat kewangan yang berkaitan dengan akaun kewangan Pemilik Sijil Takaful dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDN"). LHDN mungkin akan membuat pertukaran maklumat tersebut dengan pihak berkuasa percukaian daripada bidang kuasa lain atau bidang kuasa yang mana Pemilik Sijil Takaful mungkin merupakan pemastautin bercukai berdasarkan perjanjian diantara kerajaan untuk bertukar maklumat akaun kewangan.

PENYATAAN PENGISYTIHARAN RESIDENSI CUKAI OLEH PEMEGANG SERAH HAK

Setiap bidang kuasa mempunyai peraturan tersendiri untuk menentukan pemastautin bercukai. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan untuk menentukan status pemastautin bercukai anda, atau bagaimana mengisi borang ini, anda perlulah meminta nasihat daripada penasihat cukai anda ataupun merujuk kepada portal maklumat pertukaran automatik OECD di <http://www.oecd.org/tax/transparency/automaticexchangeofinformation.htm>. Pengendali Takaful tidak mempunyai sebarang kedudukan untuk memberi bantuan selain daripada maklumat yang terkandung di dalam borang ini.

Nota: Untuk kontrak takaful yang mempunyai nilai tunai ataupun anuiti, Pemilik Sijil Takaful mungkin merupakan mana-mana individu:-

- (a) yang berhak mendapat nilai tunai; atau
- (b) yang berhak menukar benefisiari di dalam sijil; atau
- (c) yang dinamakan sebagai pemilik sijil; atau
- (d) dengan kelayakan yang diletak hak ke atas pembayaran mengikut terma sijil

Walau bagaimanapun, apabila kontrak takaful yang memberikan nilai tunai ataupun anuiti telahpun matang, individu yang layak untuk menerima pembayaran di bawah sijil akan dianggap sebagai Pemilik Sijil Takaful.

Adakah pada masa sekarang anda pemastautin cukai di luar Malaysia?

- Tidak, saya pemastautin cukai di Malaysia dan tidak mempunyai sebarang pemastautin cukai luar negara.
- Ya, saya pemastautin cukai di negara-negara/jurisdiksi berikut (sila masukkan Malaysia jika ada)
Jika ya, sila kemukakan salinan kad pengenalan diri atau passport atau lain lain dokumen pengenalan diri yang dikemukakan oleh kerajaan negara/jurisdiksi yang anda ialah pemastautin.

Nota: Jika Pemegang Serah Hak ialah syarikat/organisasi, sila isikan Borang Penyataan Pengisytiharan Residensi Cukai (Entiti) dan Borang Penyataan Pengisytiharan Residensi Cukai (Orang yang mengawal)

Sila lengkapkan ruangan berikut dengan menyatakan.

- (i) Dimana Orang yang Dilindungi/Pencadang/Peserta/Pemegang Serah Hak ialah cukai bermastautin dan
- (ii) Nombor TIN Orang yang Dilindungi/Pencadang/Peserta/Pemegang Serah Hak untuk setiap negara jurisdiksi dinyatakan.

Jika tiada nombor TIN sila berikan sebab **A, B** atau **C** seperti yang dinyatakan di bawah:

Sebab A – Negara/jurisdiksi dimana anda ialah pemastautin dan tidak mengeluarkan nombor TIN

Sebab B – Anda tidak dapat memiliki nombor TIN atau nombor yang setara
(Sila jelaskan kenapa anda tidak dapat memiliki nombor TIN di ruangan di bawah jika anda memilih sebab ini)

Sebab C – Nombor TIN tidak diperlukan.
(Nota: Sila pilih sebab ini sahaja, jika undang-undang tempatan bagi jurisdiksi yang berkenaan tidak memerlukan kutipan nombor TIN yang dikeluarkan jurisdiksi tersebut)

No	Negara cukai permastautin	No Cukai	Jika tiada TIN Nyatakan sebab A, B atau C	Sebab kenapa anda tidak mempunyai TIN (Sila isikan jika memilih sebab B)
1				
2				
3				
4				
5				

Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami ialah Pemilik Sijil Takaful untuk permohonan takaful keluarga yang berkaitan dengan borang ini. Di mana Orang yang Dilindungi merupakan seorang minor, saya/kami mengesahkan bahawa saya diberikan kuasa untuk bertindak demi dan bagi pihak Orang yang Dilindungi di dalam kapasiti saya/kami sebagai penjaga yang sah kepada Orang yang Dilindungi.

Saya/Kami mengakui bahawa maklumat yang terkandung di dalam borang ini, termasuk maklumat berkenaan Pemilik Sijil Takaful dan mana-mana akaun boleh dilaporkan kepada LHDN serta dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara lain atau negara-negara yang mana Pemilik Sijil Takaful merupakan pemastautin bercukai, menurut perjanjian diantara kerajaan untuk bertukar maklumat akaun kewangan.

Saya/Kami mengakui bahawa semua kenyataan di dalam borang ini adalah benar dan lengkap mengikut pengetahuan dan kepercayaan saya/kami. Saya/Kami berjanji untuk memaklumkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh 30 hari sekiranya terdapat sebarang perubahan keadaan yang memberi kesan terhadap status pemastautin bercukai Pemilik Sijil Takaful atau menyebabkan maklumat yang terkandung di dalam borang ini menjadi tidak benar atau tidak lengkap. Saya/Kami akan memberikan kepada Pengendali Takaful borang pengakuan sendiri yang dikemas kini dalam tempoh 90 hari selepas perubahan keadaan tersebut.

Saya/Kami memahami bahawa mana-mana individu yang menyediakan sebarang maklumat yang tidak benar seperti yang perlu diberikan di bawah Undang-undang Malaysia kepada Pematuhan Cukai Antarabangsa (melainkan dapat dibuktikan bahawa maklumat yang tidak benar tersebut diberikan secara jujur) telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000, atau dipenjarakan sehingga enam (6) bulan atau kedua-duanya.

PENYATAAN PENGISYTIHARAN RESIDENSI CUKAI OLEH PEMEGANG SERAH HAK

Ditandatangani pada _____

Hari

Bulan

Tahun

Tandatangan PENYERAH HAK

Tandatangan Orang yang Diberikan Kuasa Oleh Syarikat. Sila cap dengan cap Syarikat.

Nama Orang Yang _____

Diberikan Kuasa: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Alamat: _____

KENYATAAN SAKSI

Saya dengan ini menyaksikan dan mengesahkan bahawa tandatangan di dalam borang ini adalah dibuat di hadapan saya dan setakat yang saya ketahui tandatangan tersebut adalah tandatangan Penyerah Hak dan Pemegang Serah Hak di bawah No. Sijil di atas.

Tandatangan SAKSI

Nama Saksi: _____

No. KP: _____

Alamat: _____
